

,Kedudukan Malaysia cukup berpotensi

Usaha selaras

11 NOV 1991

Wawasan 2020

Oleh AMINUDDIN IBRAHIM
dan AHMAD ZAINI
KAMARUZZAMAN

LANGKAWI, Ahad Perdana Menteri, Dr Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ~~Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa 1991 (Lima)~~ diadakan selaras dengan matlamat Wawasan 2020, yang berhasrat menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun berkenaan.

Menurutnya, pameran itu juga adalah antara usaha kerajaan mengenal pasti peluang dan usaha baru bagi memastikan kejayaan Wawasan 2020.

Beliau yakin Malaysia berupaya menjadi pusat pembangunan penerbangan awam, udara dan maritim di rantau Asia Pasifik.

"Ini adalah berikutan kedudukan Malaysia di Asia Pasifik yang menempatkan lebih satu pertiga daripada pasaran pengangkutan udara serta perkapalan di dunia," katanya dalam buku cenderamata pameran Lima yang bermula esok.

Pameran lima hari yang julung kali diadakan di negara ini dijangka dirasmi-

kan oleh Sultan Kedah.

Perdana Menteri berkata kedudukan negara ini di pintu masuk di antara Timur dan Barat serta lokasinya di sepanjang kesibukan perdagangan dunia menjadikannya Malaysia kawasan berpotensi mewujudkan industri penerbangan dan maritim.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pertumbuhan ekonomi kukuh yang dinikmati negara ini sepanjang satu dekad lalu dan prospek cerah menjelang abad ke-21, industri pelancongan dijangka mendapat tempat sewajarnya.

"Saya yakin Lima 1991 sebagai membuka pintu kepada mereka yang berminat menceburi bidang berkenaan," katanya.

Menurutnya, Lima juga adalah usaha sama kerajaan dengan sektor swasta memperkenalkan Malaysia sebagai pusat pelaburan teknologi tinggi serta sebagai daya tarikan pelancongan antarabangsa.

Di samping itu, katanya, Lima juga dijangka membuka peluang kepada usaha kerjasama serantau dan pertukaran maklumat di kalangan negara peserta dan pengunjung.

Sementara itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, berikutan pameran itu pertama kali diadakan di Malaysia, ada sedikit kelemahan.

Ragaimanapun, beliau berharap kelemahan seumpama itu dapat diatasi pada masa depan.

Menurutnya, pelbagai peralatan teknologi tinggi yang dipamerkan dalam Lima, sebenarnya berkaitan dengan matlamat negara ke arah mencapai Wawasan 2020.

"Sehubungan itu, saya berharap usahawan dan industri pertahanan tempatan merebut peluang ini dengan mengadakan usaha sama dan pemindahan pengetahuan teknologi di bidang berkenaan," katanya.

Selaras perkembangan teknologi masa kini, sektor pertahanan dan keselamatan negara turut mengalami perubahan teknologi dan inovasi.

Serentak itu, Lima 1991 menyediakan pelbagai peluang kepada pengusaha Malaysia dan negara lain di rantau ini bagi meluaskan pengetahuan serta meneroka bidang tertentu yang mempunyai pasaran meluas.